



# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2008/09

- NAMA MATA PELAJARAN : KENEGARAAN DAN  
PEMBANGUNAN MUTAKHIR  
MALAYSIA
- KOD MATA PELAJARAN : UMS 1113
- KURSUS : BBV / BDD / BEE / BFF / BIT /  
BPA / BPB / BPC / BPD
- TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009
- JANGKA MASA : 1 JAM 45 MINIT
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN DENGAN  
MENGUNAKAN PENSIL 2B  
SAHAJA
- B) KERTAS SOALAN INI **TIDAK  
DIBENARKAN** DIBAWA  
KELUAR DARI DEWAN  
PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 18 MUKA SURAT

- S1 Berikut merupakan kenyataan yang benar mengenai sejarah sebagai ilmu kenegaraan **kecuali**
- A seseorang boleh mengetahui dan memahami sesuatu perkara secara tepat, adil dan saksama terhadap negara.
  - B sejarah membantu menanam serta mengembangkan kesedaran dan kebanggaan kepada negara.
  - C peristiwa sejarah boleh menimbulkan semangat mempertahankan kepentingan bangsa masing-masing.
  - D kemajuan dan kemakmuran negara tidak dapat diukur daripada perspektif sejarah negara.
- S2 Konsep sesebuah negara merujuk kepada satu unit politik yang mempunyai penduduk yang menetap di sesuatu kawasan dengan memiliki sempadan dan diperintah oleh sebuah kerajaan yang mempunyai \_\_\_\_\_ yang sah untuk menggubal undang-undang negara.
- A kedudukan
  - B kewibawaan
  - C kedaulatan
  - D kemerdekaan
- S3 Berikut merupakan pengaruh ketamadunan tradisional ke atas pembentukan sosio-politik Malaysia **kecuali**
- A bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
  - B agama Islam dijadikan agama rasmi persekutuan.
  - C institusi pembesar menjadi penghubung di antara raja dengan rakyat.
  - D bermulanya undang-undang bertulis seperti perlembagaan dan akta.
- S4 Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah raja berkuasa mutlak. Apakah yang dimaksudkan dengan raja berkuasa mutlak?
- A Kedaulatan raja disandarkan kepada Islam
  - B Pemerintahan raja adalah secara simbolik
  - C Kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan
  - D Kekuasaan raja berdasarkan kepada perlembagaan

S5 Peranan Temenggung di dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ialah

- A mengetuai tentera di medan perang.
- B mengawal perbendaharaan negara.
- C memelihara keamanan dan keselamatan.
- D menjaga adat istiadat dan majlis di istana.

S6 Apakah faktor-faktor **utama** yang membawa kepada keagungan Kesultanan Melayu Melaka?

- I Pemimpin adil dan bijaksana
- II Hubungan dengan kuasa besar
- III Pusat penyebaran agama Islam
- IV Lokasi geografi yang strategik

- A I dan II
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S7 Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 mempunyai ciri sosio-politik seperti

- I mengamalkan sistem pentadbiran demokrasi.
- II warisan daripada kerajaan Majapahit di Pulau Jawa.
- III melaksanakan sistem pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- IV menggunakan konsep taat setia, daulat, derhaka dan tulah yang berkaitan dengan institusi beraja.

- A I dan IV
- B III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S8

Perkembangan kuasa atau perluasan kawalan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh sesuatu kerajaan ke atas bangsa dan masyarakat lain (George Nadel)

Pernyataan di atas merujuk kepada konsep yang berkaitan dengan \_\_\_\_\_

- A patriotisme.
- B federalisme.
- C nasionalisme.
- D imperialisme.

S9 Manakah antara berikut merupakan faktor tolakan berlakunya imperialisme Barat di Tanah Melayu?

- I Keperluan pasaran bagi hasil perindustrian di Barat
- II Perebutan takhta dan wilayah yang kaya dengan hasil bumi
- III Jemputan daripada pihak berkepentingan dalam politik tempatan
- IV Keperluan bahan mentah bagi kegunaan perindustrian di Barat

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

S10 Usaha awal British dalam abad ke 19 untuk campur tangan dalam politik Negeri-negeri Melayu bermula dengan

- A Perjanjian London.
- B Perjanjian Bangkok.
- C Perjanjian Pangkor.
- D Perjanjian Persekutuan.

S11 Pernyataan berikut adalah benar mengenai kegiatan ekonomi semasa penjajahan British di Tanah Melayu **kecuali**

- A kekayaan di Tanah Melayu dieksploitasi oleh syarikat British.
- B kegiatan ekonomi bertumpu di bahagian timur Tanah Melayu.
- C pengenalan sistem pecah dan perintah berdasarkan kaum.
- D perekonomian berasaskan perusahaan bijih timah dan getah.

- S12 Apakah kelemahan **utama** sistem pendidikan semasa penjajahan British?
- A Bilangan sekolah adalah terhad
  - B Tidak ada dasar pelajaran kebangsaan
  - C Kegiatan ko-kurikulum tidak dititikberatkan
  - D Bahasa Melayu tidak diajar di semua sekolah
- S13 Mengapakah pelantikan Residen Jeneral menimbulkan bantahan daripada Sultan-sultan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu?
- A Sultan tidak berkuasa ke atas negeri masing-masing
  - B Sultan dan pembesar tidak lagi berkuasa memungut cukai
  - C Pemusatan kuasa berlaku tanpa sebarang kawalan
  - D Residen di setiap negeri gagal dalam tugas mereka
- S14 Apakah pembaharuan pentadbiran yang dijalankan oleh Jepun semasa menjajah di Tanah Melayu?
- A Mengamalkan pentadbiran secara berpusat di Tanah Melayu
  - B Menyerahkan Kelantan, Terengganu dan Perlis kepada pihak Siam
  - C Menubuhkan pasukan tentera Melayu bagi menentang ancaman PKM
  - D Menggabungkan Tanah Melayu dan Sumatera di bawah satu pentadbiran
- S15 Berikut merupakan perkara-perkara yang **benar** kesan daripada pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
- I Menyemaikan bibit perkauman di kalangan rakyat
  - II Menyemarakkan semangat kebangsaan Melayu
  - III Memajukan sektor pertanian dan perindustrian
  - IV Membebaskan rakyat daripada belunggu penjajahan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

S16 Nasionalis Melayu tidak mahu lagi bekerjasama dengan pentadbiran Jepun kerana

- I tindakan tentera Jepun yang semakin ganas.
  - II pengharaman terhadap Kesatuan Melayu Singapura.
  - III kekalahan Jepun dalam peperangan semakin nyata.
  - IV tentera Jepun semakin mengabaikan Tanah Melayu.
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

S17 Situasi berikut berlaku apabila Jepun menyerah kalah kepada tentera Bersekutu?

- I Tanah Melayu berada dalam keadaan kucar-kacir
  - II Kerajaan British berkuasa semula di Tanah Melayu
  - III Kehidupan rakyat menjadi semakin baik
  - IV Parti-parti politik berkembang dengan pesat
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV

S18 Pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu berhubung dengan persetujuan pembentukan Malayan Union ialah

- A Edward Gent.
- B Gerald Templer.
- C Harold Briggs.
- D Harold MacMichael.

- S19 Berikut adalah cadangan kerajaan British berhubung dengan Malayan Union **kecuali**
- A semua negeri Melayu dan negeri Selat kecuali Singapura disatukan di bawah pentadbiran Gabenor.
  - B semua kuasa pentadbiran dan pemerintahan akan dipusatkan di bawah pentadbiran Leftenan Jeneral.
  - C Raja-raja Melayu hanya berkuasa terhadap agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.
  - D semua penduduk Tanah Melayu akan diberikan taraf kerakyatan yang sama tanpa mengira agama dan keturunan.
- S20 Suatu rahmat yang tersembunyi di sebalik gagasan Malayan Union ialah
- A runtuhnya semangat kedaerahan yang sempit.
  - B kewujudan semangat nasionalisme yang lebih tinggi.
  - C pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.
  - D perpaduan yang lebih erat di kalangan pelbagai kaum.
- S21 Pernyataan berikut adalah merujuk kepada faktor nasionalisme yang disebabkan oleh gerakan sosio-budaya **kecuali**
- A tindakbalas terhadap Sistem Residen.
  - B menuntut kesihatan yang lebih sempurna.
  - C kebangkitan untuk keluar dari kedaifan hidup.
  - D perjuangan mendapatkan pendidikan yang lebih baik.
- S22 Institusi pendidikan yang manakah telah mencambahkan gerakan nasionalisme Melayu dalam abad ke 20?
- A Maktab Perguruan Matang
  - B Maktab Melayu Kuala Kangsar
  - C Maktab Perguruan Sultan Idris
  - D Maktab Perguruan Teluk Belanga

S23 Langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk mengatasi ancaman komunis dalam zaman Darurat ialah

- I melaksanakan rancangan Briggs.
- II menggunakan pendekatan ketenteraan.
- III mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- IV menyebarkan dakwah anti-komunis di kalangan rakyat.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D Semua di atas

S24 'Persekolahan rendah ialah alat dan tenaga besar bagi perpaduan dan penyatuan masyarakat dan dengan itu memang wajarlah dengan secara sedar dan bersungguh-sungguh dijadikan agen pembina bangsa Malaya yang tunggal'.  
Kenyataan di atas dipetik daripada

- A Penyata Barnes.
- B Penyata Razak.
- C Penyata Fenn-Wu.
- D Penyata Woodhead.

S25 Idea pembentukan Malaysia dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Singapura pada

- A 27 Mac 1961.
- B 27 Mei 1961.
- C 27 Mac 1962.
- D 27 Mei 1962.



S26 Berikut merupakan sebab-sebab yang membawa kepada penubuhan Malaysia.

- I Mewujudkan usahasama politik
- II Membendung ancaman komunis
- III Mewujudkan zon ekonomi
- IV Mempercepatkan kemerdekaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S27 Faktor-faktor yang mempercepat kemerdekaan negara daripada penjajahan Inggeris ialah

- I kerelaan Inggeris melepaskan tanah jajahannya.
- II menamatkan pengaruh komunis di negara ini.
- III perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama.
- IV kemenangan parti berbilang kaum dalam pilihan raya 1955.

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S28 Terdapat beberapa buah parti politik di Sarawak yang kuat menentang gagasan pembentukan Malaysia pada peringkat awal iaitu

- I Parti Negara Sarawak (PANAS)
- II Parti Rakyat Bersatu Sarawak (Sarawak United People's Party)
- III Parti Kebangsaan Sarawak (Sarawak National Party)
- IV Parti Pesaka Bersatu Sarawak (PBB)

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D Semua di atas

- S29 Gagasan Malaysia telah ditentang hebat oleh Indonesia di bawah pimpinan Sukarno kerana
- A menganggap Malaysia akan mengancam keselamatan Indonesia.
  - B menganggap Malaysia sebagai satu bentuk penjajahan baru di rantau ini.
  - C menganggap Malaysia akan menghalang pembentukan Indonesia Raya.
  - D menganggap Malaysia akan menguasai kepentingan ekonomi di rantau ini.
- S30 Fungsi **utama** Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ialah
- A mengeratkan perhubungan antara kaum di Malaysia.
  - B mengkaji sebab penolakan Brunei terhadap konsep penubuhan Malaysia.
  - C menerangkan konsep penubuhan Malaysia kepada rakyat Sabah dan Sarawak.
  - D mengkaji kesan politik dan ekonomi penubuhan Malaysia terhadap rakyat Semenanjung dan Singapura.
- S31 Tujuan **utama** penubuhan Suruhanjaya Cobbold ialah
- A menggubal perlembagaan sebuah negara Malaysia merdeka.
  - B menyediakan tindakan bagi menghadapi ancaman komunis di Borneo.
  - C meninjau pendapat rakyat Singapura tentang gagasan Malaysia.
  - D meninjau pendapat orang Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia.
- S32 Ketua negeri bagi Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak digelar sebagai
- A Sultan.
  - B Yang Dipertua.
  - C Ketua Menteri.
  - D Menteri Besar.

S33 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep Raja Berperlembagaan?

- A Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut Perlembagaan
- B Raja atau sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam perlembagaan
- C Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, raja atau sultan diwujudkan, dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan
- D Raja berperlembagaan adalah warisan sejarah Kesultanan Melayu Melaka yang dipermodenkan menerusi perlembagaan

S34

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas merdeka dan yang bertentangan dengan Perlembagaan ini, hendaklah terbatal setakat yang bertentangan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- I perlembagaan sebagai dokumen perundangan bertulis yang utama.
  - II ketertinggian perlembagaan mengatasi segala undang-undang lain.
  - III undang-undang yang terkandung sama sekali tidak boleh dipinda.
  - IV undang-undang yang dibuat selepas merdeka yang akan terbatal.
- A I dan II
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

S35 Pilih pernyataan paling **tepat** mengenai pemilihan Perdana Menteri dalam pemerintahan di Malaysia.

- A Dipilih daripada kalangan parti yang menang majoriti dalam pilihan raya
- B Dipilih daripada Ahli Dewan Rakyat yang mendapat sokongan minoriti
- C Dipilih daripada kalangan Ahli Dewan Negara yang mendapat sokongan majoriti
- D Dipilih daripada kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri dengan sokongan majoriti

S36 Kenyataan yang berikut yang menerangkan tentang doktrin pengasingan kuasa?

- A Pengasingan kuasa di antara kementerian dan jabatan kerajaan
- B Pengasingan kuasa di antara ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- C Pengasingan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- D Pengasingan kuasa di antara badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman

S37 Nyatakan komponen yang wujud dalam Parlimen di Malaysia.

- I Dewan Rakyat
- II Dewan Negara
- III Yang di-Pertuan Agong
- IV Ketua Hakim Negara

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

S38 Pilih pernyataan yang menggambarkan tentang amalan demokrasi di Malaysia.

- I Parlimen di Malaysia berbentuk dwi-dewan
- II Dewan Negara terbubar apabila parlimen dibubarkan
- III Setiap warganegara dibenarkan bertanding dalam pilihan raya
- IV Keputusan pilihan raya berdasarkan bilangan undi terbanyak

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

S39 Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam perkara berikut **kecuali**

- A melantik Perdana Menteri.
- B tidak bersetuju pembubaran parlimen.
- C mengisytiharkan darurat atas nasihat eksekutif.
- D menjalankan tugas sebagai pemerintah di negerinya.


S40 Kuasa pelaksanaan dasar sesebuah negeri di Semenanjung Malaysia terletak pada

- A Majlis Tindakan Negeri.
- B Dewan Undangan Negeri.
- C Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- D Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

S41 Penggubalan Undang-undang Persekutuan berlangsung di peringkat

- A Dewan Undangan Negeri.
- B Jemaah Menteri dan Kabinet.
- C Persidangan Majlis Raja-Raja.
- D Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

S42



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan beberapa aspek berkaitan kebebasan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. X dalam ruangan di atas merujuk kepada

- A kebebasan mutlak.
- B kebebasan asasi.
- C kebebasan individu.
- D kebebasan peribadi.

- S43 Siapakah Setiausaha Jemaah Kabinet kerajaan Persekutuan?
- A Ketua Setiausaha Negara
  - B Menteri di Jabatan Perdana Menteri
  - C Setiausaha Agung Barisan Nasional
  - D Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri
- S44 Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif kerajaan Persekutuan ialah
- A kabinet.
  - B parlimen.
  - C kementerian.
  - D Dewan Rakyat.
- S45 Berikut merupakan salah satu peristiwa utama yang membolehkan Rukun Negara digubal iaitu
- A Peristiwa 13 Mei 1969.
  - B Peristiwa 31 Ogos 1957.
  - C Peristiwa 16 September 1963.
  - D Peristiwa Darurat 1948-1960.
- S46 Susunkan prinsip-prinsip Rukun Negara di bawah ini mengikut aturan yang betul.
- I Keluhuran Perlembagaan
  - II Kesopanan dan Kesusilaan
  - III Kepercayaan kepada Tuhan
  - IV Kedaulatan Undang-undang
  - V Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- A V, IV, II, III dan I
  - B II, I, III, IV dan V
  - C III, V, I, IV dan II
  - D III, V, IV, II dan I

- S47 Berikut merupakan sumbangan penting Tun Abdul Razak Hussein **kecuali**
- A membangunkan ekonomi bumiputera.
  - B melancarkan pembangunan industri berat.
  - C memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru.
  - D menggalakkan pembangunan di luar bandar.
- S48 Gelaran 'Bapa Perpaduan' merujuk kepada Perdana Menteri Malaysia iaitu
- A Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.
  - B Tun Dr Mahathir Mohamad.
  - C Tun Abdul Razak Hussein.
  - D Tun Hussein Onn.
- S49 Tempoh kepimpinan Perdana Menteri Malaysia ketiga selama 5½ tahun. Bilakah tempoh tersebut?
- A 1966 – 1971
  - B 1971 – 1976
  - C 1976 – 1981
  - D 1974 – 1979
- S50 Siapakah Menteri Pelajaran yang mempunyai kaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet termasuk Jawatankuasa Murad tahun 1974?
- A Tun Abdul Razak Hussein
  - B Tun Dr. Mahathir Mohamad
  - C Datuk Abdul Rahman Talib
  - D Tan Sri Murad Mohd Noor
- S51 Berikut merupakan prinsip-prinsip Islam Hadhari **kecuali**
- A kekuatan pertahanan.
  - B pemuliharaan alam sekitar.
  - C penguasaan ilmu pengetahuan.
  - D pembelaan hak majoriti dan wanita.

S52 Matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) ialah

- I membangunkan sebuah masyarakat yang celik huruf
  - II menggalakkan dan memperkukuhkan integrasi nasional
  - III mengurangkan ketidakseimbangan sosial serta ekonomi
  - IV membasmi kemiskinan dengan mewujudkan peluang pekerjaan
- 
- A I dan II
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

S53 Fokus utama strategi Dasar Pembangunan Nasional adalah seperti berikut **kecuali**

- A meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat.
- B meneruskan usaha membasmi kemiskinan dengan memberi tumpuan ke arah mengurangkan kemiskinan relatif.
- C mengalih tumpuan daripada sebuah negara yang berorientasikan pertanian kepada negara yang berorientasikan perkhidmatan.
- D mewujudkan guna tenaga dan pembangunan yang pesat dalam sesebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

S54 Matlamat Pelan Induk Perindustrian (PIP) ialah

- I menguatkan keupayaan teknologi dalam industri.
  - II membantu pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.
  - III menukar fokus dari sektor pertanian kepada perindustrian.
  - IV menjadikan sektor perindustrian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.
- 
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas



- S55 Manakah kenyataan yang berikut paling **tepat** tentang Dasar Penswastaaan?
- A Perkongsian atau usahasama mengendali projek sektor kerajaan
  - B Memindahkan fungsi dan aktiviti sektor kerajaan kepada sektor swasta
  - C Sektor swasta merancang dan menentukan projek-projek kerajaan yang perlu diperbadankan
  - D Mengendalikan sepenuhnya projek-projek bagi menggalakkan penjimatan perbelanjaan negara

- S56 Projek-projek berikut yang **tidak** termasuk dalam Dasar Penswastaaan Malaysia.

- A Perbadanan Perfileman Malaysia
- B Dermaga Kontena Pelabuhan Klang
- C Projek Lebuhraya Utara-Selatan
- D Syarikat Tenaga Nasional

S57

- Membentuk sebuah negara bangsa bersatu padu
- Membentuk masyarakat bersifat sains serta progresif
- Menjamin pembentukan masyarakat yang adil ekonominya

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Kebudayaan Kebangsaan.
- B Dasar Pembangunan Wawasan.
- C Dasar Pembangunan Nasional.
- D Dasar Perpaduan Nasional.

- S58 'Pertubuhan ini dianggotai oleh negara-negara bekas tanah jajahan British'.  
Kenyataan ini berkaitan dengan

- A Pertubuhan Kerjasama Asia Pasifik.
- B Pertubuhan Negara-negara Berkecuali.
- C Pertubuhan Negara-negara Komanwel.
- D Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara.

- S59 Dalam usaha menjadikan Asia Tenggara satu kawasan yang selamat, Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain telah mengutarakan konsep
- A APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik).
  - B ZOPFAN (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali).
  - C FDPA (Pakatan Pertahanan Lima Negara).
  - D SEOMEQ (Kerjasama Pendidikan dan Kebudayaan).
- S60 Pilih kenyataan yang **benar** berhubung dengan dasar luar Malaysia sejak merdeka hingga sekarang.
- I Dasar terbaik-baik dengan negara jiran
  - II Dasar pro-barat pada awal tahun 1960an
  - III Mengukuhkan hubungan baik dengan negara Islam
  - IV Menyokong kerjasama baik dengan negara-negara maju
- A I dan II
  - B II dan III
  - C I, II dan III
  - D Semua di atas